

PM kritik lagi kegagalan PBB

Oleh MANIMARAN GOVINDASAMY

KUALA LUMPUR 29 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini, sekali lagi mengkritik sikap dan kegagalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi perlindungan berkesan kepada rakyat Bosnia daripada serangan penganas Serb.

Perdana Menteri yang menyifatkan negara-negara Barat mengamalkan sifat hipokrit dalam usaha mengembalikan keamanan di negara bekas Yugoslavia itu berkata, keputusan menarik balik pasukan pengaman di negara itu adalah satu tindakan 'pengecut'.

"Mereka berada di sana (Bosnia) untuk memberi perlindungan tetapi menarik diri apabila diserang.

"Tugas sekarang ialah menyelamatkan rakyat Bosnia," katanya.

Sehubungan dengan itu kata beliau, pendirian Malaysia ialah untuk menyelamatkan rakyat Bosnia daripada serangan berbanding dengan menganggotai Badan Membina Semula Bosnia.

Selamat

"Keutamaan kita (Malaysia) ialah ke atas tugas menyelamatkan rakyat Bosnia dan apa yang berlaku di negara itu," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian kepada para pemberita di Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) ketika diminta mengulas mengenai cadangan dari

Bosnia baru-baru ini supaya Malaysia menghantar dua wakil untuk menduduki badan tersebut.

Terlebih dahulu, Dr. Mahathir melancarkan talian antarabangsa baru Projek Kerjasama Rangkaian Bersepadu Penyelidikan Termaju di MIMOS.

Beliau menegaskan, negara-negara Barat seharusnya berhenti daripada mengkritik mengenai kebebasan hak asasi yang diamalkan di Malaysia dan beberapa negara lain.

"Adalah jelas bahawa apa yang dilaung-laungkan oleh negara Barat mengenai hak asasi adalah karut. Mereka seharusnya henti daripada berbuat demikian," katanya.